

20 OCT 2001

Filipina-MILF

PERUNDING FILIPINA-MILF BERLEPAS PULANG TANPA METERAI PERJANJIAN KEDUA

Oleh: Alan Ting

KUALA LUMPUR, 20 OKT (Bernama) -- Perbincangan Damai Formal ketiga antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) berakhir di sini hari ini dan para perunding berlepas pulang tanpa menandatangani sebarang perjanjian mengenai pemulihan dan pembangunan di kawasan konflik di Mindanao.

Ketua Perunding MILF Murad Ebrahim hari ini berkata kedua-dua belah pihak tidak bersetuju berhubung beberapa aspek bagi pemulihan dan pembangunan di kawasan konflik di Mindanao di bawah Perjanjian Damai Tripoli yang dimeterai pada Mac tahun ini.

"Kedua-dua pihak perlu berunding dengan ketua masing-masing mengenai perkara itu," katanya kepada Bernama pada hari terakhir perbincangan damai formal selama enam hari itu.

Murad semalam berkata kedua-dua pihak tidak bersetuju dengan interpretasi bagi aspek pengurusan projek pembangunan di bawah Perjanjian Damai Tripoli berhubung dengan bagaimana untuk menggunakan wang yang akan diperuntukkan bagi kawasan konflik di Mindanao.

Katanya Kerajaan Filipina mendesak bahawa projek itu yang dibiayai oleh kerajaan sepatutnya diuruskan oleh kerajaan manakala MILF menyatakan mereka patut menguruskannya.

Murad berkata kedua-dua pihak mengadakan perbincangan lewat malam tadi dan pagi ini untuk menyelesaikan perbezaan pendapat itu tetapi mereka hanya mampu mencapai persetujuan awal mengenai keperluan bagi rundingan selanjutnya dengan ketua masing-masing mengenai perkara itu.

"Bagaimanapun, tiada tarikh ditetapkan bagi perbincangan damai formal seterusnya antara Kerajaan Filipina dan MILF," katanya.

Kerajaan Filipina dan MILF telah mengadakan perbincangan di Mines Beach Resort, dekat sini, sejak Isnin bagi menyelesaikan aspek teknikal perjanjian damai yang telah dicapai oleh kedua-dua pihak awal tahun ini.

Mereka akhirnya menandatangani perjanjian bagi manual untuk mengakhiri permusuhan di Mindanao, kawasan bermasalah di selatan Filipina, dalam satu majlis tertutup pada Khamis.

Dengan termeterainya perjanjian damai yang diusahakan oleh Malaysia itu, telah membuka laluan bagi penubuhan pasukan pengawasan tempatan, yang dianggotai pertubuhan bukan kerajaan serta MILF dan pegawai kerajaan bagi mengawasi gencatan senjata.

Kedua-dua belah pihak menandatangani perjanjian gencatan senjata di Malaysia dua bulan lepas yang telah disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Filipina Gloria Arroyo bagi menamatkan konflik itu yang telah mengorbankan lebih 120,000 orang.

Ditanya jika kegagalan untuk mencapai persetujuan bagi pemulihan dan pembangunan di Mindanao itu menjejaskan perbincangan damai itu, Murad berkata: "Saya rasa tidak."

"Malahan, manual yang ditandatangani pada Khamis merupakan isyarat bagi satu lagi kemajuan dalam perbincangan damai itu walaupun aspek lain tidak dirumuskan dalam perbincangan ini," katanya.

Terdahulu, kedua-dua belah pihak melahirkan optimisme bahawa perjanjian mengenai pemulihan dan pembangunan di kawasan konflik di Mindanao dan kemungkinan pemulangan semula hak wilayah pusaka Islam itu dapat dicapai menjelang hari terakhir perbincangan damai itu.

Para perunding Kerajaan Filipina diketuai Jesus G. Dureza manakala Murad yang juga merupakan Ketua Staf MILF, mengetuai para perunding MILF.

-- BERNAMA  
AT KHY RHM